



MOHD Shukor menunjukkan tong menyimpan ikan yang kosong kerana kekurangan hasil tangkapan.

HM 9/3/2023 Md: 23

'Usah tambah derita kami'

Pencerobohan nelayan Kedah, Thailand punca pendapatan 100 nelayan di Perlis terjejas

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Pencerobohan nelayan Kedah dan Thailand selain fenomena angin timur di sekitar perairan Perlis menyebabkan hampir 100 nelayan pesisiran pantai di Kuala Sungai Baru, Simpang Empat di sini, terjejas pendapatan harian apabila hasil laut di kawasan itu didapati berkurangan hampir mencecah 100 peratus.

Tinjauan di pelantar ikan Kuala Sungai Baru, Simpang Empat mendapati, tong atau kotak fiber yang digunakan untuk menyimpan ikan hasil tangkapan daripada nelayan di kawasan itu kosong berikutan situasi terbabit.

Nelayan, Abdul Hamid Mokhtar, 57, dari Kuala Sungai Baru berkata, kebiasaannya, dia mampu meraih pendapatan antara

RM3,000 hingga RM4,000 sebulan sekiranya hasil laut yang diperoleh lumayan.

"Namun, pendapatan kini semakin berkurangan kepada sekitar RM1,000 sejak kebelakangan ini dan memang tidak berbaloi langsung memandangkan kita perlu menanggung pelbagai kos seperti bahan api dan makanan. Ia sekitar RM100 sehari.

"Ada kalanya, nelayan yang keluar awal pagi sehingga berjam-jam di laut pulang tangan kosong disebabkan hasil yang semakin berkurangan, sekali gus menjejaskan pendapatan mereka," katanya ditemui di pelantar ikan berkenaan.

Rakannya, Hamzah Ahmad, 63, berkata, aktiviti pencerobohan bot nelayan luar terutama dari Kedah dan Thailand yang mengaut hasil laut seperti siput retak seribu di kawasan perairan negeri ini juga dilihat antara faktor menye-

babkan berlakunya kemerosotan hasil dan pendapatan nelayan pesisiran pantai di kawasan itu.

"Mereka (nelayan luar Perlis) biasanya melakukan pencerobohan pada waktu malam bagi mengelak kegiatan itu dihidu pihak berkuasa.

"Apabila mereka melakukan pencerobohan menggunakan pukat, ia akan merosakkan ekosistem dasar laut dan menyebabkan hidupan seperti udang, ikan dan lain-lain tidak lagi berada di perairan ini kerana keadaan tanah dan air menjadi busuk," katanya.

Bagi peraih ikan, Mohd Shukor Chin, 60, situasi kemerosotan hasil laut yang dihadapi nelayan di kawasan itu pada kali ini agak teruk berbanding tahun sebelumnya.

"Pada pendapat saya, kemerosotan hasil ini disifatkan paling buruk sejak saya menjadi peraih ikan 26 tahun lalu," katanya.